



KENYATAAN TENDER MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	NO. TENDER	TAJUK PROJEK	GRED & PENGKHUSUSAN	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/T/56/15	Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Longkang Bagi Mengatasi Masalah Banjir Di Lorong Perusahaan 4, Perusahaan Batu Caves, Batu Caves, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan.	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred G3 Kategori CE Pengkhususan CE21 DAN CE34	150.00	16/11/2015 hingga 07/12/2015

- b) Dokumen Tender boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi –11.45pagi, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
- c) Bayaran dokumen tender akan dikenakan **6% Goods & Service Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- d) Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa**.
- e) Kontraktor yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :
- i) **Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - iii) **Sijil Taraf Bumiputera**
 - iv) **Salinan Surat Perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- f) Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup tender.
- g) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan **di talian 03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**